

02/05/2000

Politik wang, wang politik wajar dielakkan

Hanizam Abdullah

SEJAUH mana seriusnya amalan rasuah dan politik wang dalam setiap kempen pemilihan Umno tidaklah diketahui kerana ia banyak disalurkan sebagai halwa telinga berbanding mata. Puncanya, apabila tiba bab perlu kemukakan bukti, ramai yang mengambil tindakan mendiamkan diri. Akhirnya timbullah keadaan tuduh menuduh.

Tahap serius isu politik wang, dapat diukur menerusi amaran Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mendedahkan nama calon yang terbabit dengan amalan jual beli undi dalam ucapan dasarnya pada perhimpunan 11 Mei ini kiranya amalan itu terus berlaku.

Walaupun ia bukanlah sesuatu yang baru kerana dalam pemilihan 1996, enam daripada 61 calon yang bertanding untuk kerusi Majlis Tertinggi (MT) digugurkan setelah didapati terbabit dalam politik wang, salah guna kuasa dan melanggar etika ketika berkempen, kenyataan itu diharapkan dapat menyuntik sedikit rasa takut di kalangan mereka yang terbabit.

Hakikatnya, amalan sogok menyogok bukanlah sesuatu yang asing dalam senario politik semasa. Malah, perbuatan itu sudah menjadi darah daging sehingga kita sudah mula menerima bahawa perbuatan itu sebagai sesuatu yang bukan lagi luar biasa dan sudah dijangka.

"Sejak dulu lagi, kalau bukan politik wang pun mereka akan amalkan politik kain batik atau politik kain sutera. Dia (calon) tak bagi duit (tetapi) dia bagi hadiah macam-macam... kita tahu perkara ini bukan baru (ia sudah berlaku) sejak dulu-dulu lagi," kata salah seorang calon jawatan tertinggi dalam parti.

Tetapi ia tidak seharusnya dijadikan alasan untuk kita menutup sebelah mata. Bahana dan bahaya politik wang bukanlah sedikit. Sesuatu perlu dilakukan dan seseorang perlu bertindak.

"Kita tidak boleh dapat satu ubat yang mujarab, yang boleh melenyapkan penyakit itu. Tetapi kita cuba. Jika semua masyarakat rasuah, tidak guna. Ada sesetengah negara, rasuah bagaikan cara hidup," kata Dr Mahathir.

Amaran Presiden Umno itu diungkap ketika istilah 'tapak tangan kasar' dan 'tapak tangan licin' - merujuk kepada perbuatan bersalam yang diiringi dengan wang atau sebaliknya - menjadi ungkapan paling popular di kalangan orang Umno sendiri atau pemerhati politik, walaupun ada juga suara yang berkata bahawa wang bukanlah faktor utama mempengaruhi seseorang dalam pemilihan kali ini.

Namun, pengaruh ringgit tetap kelihatan lebih berkuasa daripada segala-galanya. Jika tidak dikawal, tidak mustahil akan tiba suatu masa apabila keunggulan dan kecemerlangan seseorang individu tidak lagi diambil kira. Politik wang bukanlah perkara remeh kerana kita bercakap mengenai seseorang yang bersedia untuk melakukan kesalahan demi mendapat sokongan. Bayangkan sebuah negara yang dipenuhi pemimpin yang boleh dijual beli.

"Kalau kita ambil pemimpin yang rajin membeli undi, bererti kita tidak membuat pilihan yang tepat dan yang ruginya kita juga. Pada masa lain akan datang pula pemimpin yang lebih pula bayarannya. Kalau hari ini RM10, esok RM100, lepas itu RM1,000... jadi jenis apa pemimpin Umno yang kita hendak?" kata seorang calon.

Kebenaran pahitnya ialah memang ada kalangan yang menggunakan wang untuk menjual beli undi. Bagaimana menjelaskan kehadiran 600 wakil yang berkumpul di ibu kota setiap hari seperti yang didedahkan oleh Dr Mahathir baru-baru ini, jika tidak dengan tujuan untuk memenuhi agenda sendiri.

Walaupun amalan kunjung mengunjungi antara satu sama lain adalah

digalakkan dalam usaha untuk merapatkan silaturrahim, tetapi apabila ia kelihatan begitu rancak menjelang setiap pemilihan, kita boleh menyuratkan apa yang tersirat. Kita bukan menentang kempen secara sihat tetapi apabila ia disertai dengan pertukaran wang, itu adalah satu cerita berbeza.

Seperti kata Perdana Menteri, "Kita juga sedar, ada juga perwakilan, orang yang dipilih untuk hadir dalam mesyuarat agung... kita tahu bahawa mereka juga pergi ke sana sini mendapat sesuatu bagi diri mereka. Jadi kalau calon tidak menghulurkan wang, kadangkala mereka terpaksa melayan orang ini..."

"Semalam dapat RM1,000, malam kelmarin RM500 dan paling busuk pun minggu lalu dapat RM200. Memang kenyang. Bukan aku yang minta. Tapi undi hak aku. Belum tentu hulur duit dapat undi," kata seorang perwakilan.

"Kalau orang itu banyak duit dia hendak bersedekah, rezeki dia banyak, dia hendak berzakat kita terima... tetapi jangan ikat undi kita dengan penerimaan itu. Undi kita punya, undi tanpa terikat dengan apa juga yang diberi oleh sesiapa juga," katanya.

Kenyataan sebegitu juga tidak berapa disenangi kerana selagi kita mahu menerima wang yang dihulurkan itu, walaupun atas nama sedekah, sumbangan untuk membuat jamuan hari raya atau apa saja yang kononnya membayangkan niat yang lurus dan ikhlas, selagi itulah juga politik wang akan berterusan.

Berbulan-bulan menjelang pemilihan, hotel di sekitar ibu kota juga melaporkan kadar penginapan yang tinggi - yang pastinya membuatkan mereka yang terbabit dalam industri pelancongan tersenyum lebar. Tidak, kita bukan bercakap mengenai jumlah pelancong asing yang datang berkunjung ke ibu kota, tetapi kalangan orang Umno yang ada agenda wang dan politik mereka.

Seorang pengusaha syarikat pelancongan hairan apabila majlis makan malam mempromosikan destinasi pelancongan, yang sewajarnya dihadiri kalangan mereka yang terbabit dalam industri pelancongan, bertukar menjadi malam meraikan orang Umno.

"Rata-rata yang hadir adalah ketua-ketua bahagian dan cawangan yang tidak ada kena mengena langsung dengan industri pelancongan," katanya.

Mendengar jumlah wang yang terbabit dalam pertukaran seperti ini kadangkala membuatkan kita terfikir bagaimana seseorang calon itu boleh memiliki wang sebanyak itu. Rumusan yang boleh dibuat ialah mereka yang mahu terbabit dalam politik perlulah kalangan yang bukan saja penuh kocek tetapi mempunyai semangat untuk memperkayakan diri sendiri.

"Berbeza politik wang dan wang politik. Politik wang berlaku apabila ada proses jual beli undi, iaitu seseorang calon itu membayar sejumlah wang untuk memastikan undinya. Tetapi wang politik ialah apabila wang itu digunakan untuk menggerakkan kempen yang sihat," kata seorang calon.

"Setakat ini saya sudah mengeluarkan hampir RM60,000 untuk berkempen. Jika anda tanya saya sama ada itu politik wang, jawapannya adalah tidak sama sekali," katanya.

Tetapi persoalannya, bagaimana mewujudkan garis pemisah antara politik wang dan wang politik kerana tidak mustahil niat yang lurus ikhlas itu bertukar bengkok apabila setiap calon mahu memastikan wang yang dilaburkan untuk kempen sihat itu mendatangkan hasil, yakni menjaminkan kerusinya dalam parti.

Justeru, kita dapat memahami mengapa Presiden Umno tidak mahu lagi bertolak ansur mengenai perkara ini.

(END)